

09/06/1998

Dr M penaung kehormat ekspo

KUALA LUMPUR, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menjadi penaung kehormat sekali gus merasmikan Ekspo Cintai Malaysia 1998 pada 10 Julai depan.

Ekspo anjuran Dewan Perniagaan & Perindustrian China Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI) itu, akan berlangsung selama 10 hari di Pusat Pameran dan Ekspo Mines, Sungei Besi.

Ekspo yang akan disertai kira-kira 300 pekilang barangan tempatan termasuk usahawan Melayu dan India itu bermatlamat meningkatkan kesedaran membeli barangan Malaysia, menggalakkan pelancongan dalam negara dan melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan.

Presiden MCA yang juga Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata rakyat Malaysia harus menyedari sasaran konsep cintai Malaysia menerusi kempen membeli barangan Malaysia.

"Ia bukan hanya membantu pekilang dan peniaga, sebaliknya menolong semua golongan termasuk pekerja, bank, pengusaha pelancongan, perkhidmatan dan sebagainya kerana ia mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada mereka," katanya di pejabatnya hari ini.

Sebelum itu, beliau mengadakan pertemuan lebih setengah jam dengan perwakilan jawatankuasa penganjur ekspo berkenaan yang diketuai Presiden KLSCCCI, Lim Guan Teik.

Dr Ling berkata, ekspo yang diadakan di tengah kegawatan bukan yang pertama seumpamanya.

(END)